

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

## Pembangunan akhlak menurut karya ulama silam: tumpuan terhadap *Al-Risāla Al-Qushayriyya*

*[Development of akhlak in writings of the ancient scholar:  
a focus on *Al-Risāla Al-Qushayriyya*]*

**Nazneen Ismail\*, Nurzatil Ismah Azizan, & Siti Mursyidah Mohd Zin**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

\* Corresponding Author: Dr. Nazneen Ismail. Jabatan Dakwah dan Usuluddin (JDUS), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. e-Mail: [nazneen@kuis.edu.my](mailto:nazneen@kuis.edu.my). Telp.: +60192360477.

---

**Keywords:**

*Moral development; The principles of tasawuf; Purification of the soul; Adolescent education; Al-Risāla al-Qushayriyya*

---

**ABSTRACT**

*Morality is one of the main foundations of Islam. One of the purposes of Prophet (pbuh)'s message is to perfect morals other than calling people to worship Allah. This study aims to introduce Imam al-Qushayriyy as a Sufi figure and explains the principle of moral development according to him based on his work entitled *al-Risāla*. Al-Qushayriyy's prowess in the field of Sufism is indisputable, especially his contribution in proving the consistency of Sufi teachings with the basic principles of sharia. His work *al-Risālah* is a masterpiece, a benchmark for mystics towards the formation of morality. The results of the study show that al-Qushayriyy emphasizes the aspect of purification of the soul (*tazkiyat al-nafs*) in the construction of morality. Among the methods of purification of the heart that are mentioned are repentance, striving (*mujāhada*), retreat (*khalwa*) and seclusion ('uzla), scrupulousness (*wara'*), renunciation (*zuhd*), silence, hunger, and abandonment of [carnal] desire (*shahwah*), and remembrance. While the moral aspects that he highlighted are patience, humility, moral character, munificence (*jud*) and generosity, companionship, and protects the hearts of Sufi masters. These principles are explained by al-Qushayriyy based on the Quranic verses, hadith, quotations from the companions and scholars. Based on the principles presented, it is understood that the formation of morality has a direct relationship with the purification of the soul and is further strengthened with the guidance of Sufi masters or teachers.*

---


**Kata Kunci:**

Pembinaan akhlak; Prinsip tasawuf; Penyucian jiwa; Pendidikan remaja; *Al-Risāla al-Qushayriyya*

---

**ABSTRAK**

Akhlik merupakan salah satu daripada asas utama dalam ajaran Islam. Malah, di antara tujuan perutusan Rasulullah SAW ialah menyempurnakan akhlak selain daripada menyeru manusia untuk mentauhidkan Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan Imam al-Qushayriyy sebagai tokoh tasawuf dan menjelaskan prinsip pembinaan akhlak menurut beliau berdasarkan karya yang berjudul *al-Risāla*. Ketokohan al-Qushayriyy dalam bidang tasawuf tidak dinafikan lagi terutama sumbangannya dalam membuktikan keselarian ajaran tasawuf dengan prinsip dasar syariah. Malah, karyanya *al-Risāla* ini merupakan magnum opus



yang menjadi penanda aras bagi ahli tasawuf ke arah pembentukan akhlak. Hasil kajian menunjukkan al-Qushayriyy menekankan aspek penyucian jiwa (*tazkiyyat al-nafs*) dalam pembinaan akhlak. Antara kaedah penyucian hati yang dinyatakan ialah taubat, mujahadah, khawlāt dan uzlah, warak, zuhud, diam, lapar dan meninggalkan syahwat serta zikir. Manakala aspek akhlak yang diketengahkan oleh beliau ialah sabar, malu, berakhlek mulia, dermawan dan murah hati, persahabatan serta menjaga hati guru. Prinsip-prinsip ini dihuraikan oleh al-Qushayriyy dengan bersumberkan kepada ayat-ayat al-Quran, hadis, petikan kalam para sahabat dan ulama. Berdasarkan prinsip yang dikemukakan ini difahami bahawa pembentukan akhlak mempunyai hubungan langsung dengan penyucian jiwa dan dikukuhkan lagi dengan bimbingan para guru.

Received: November 20, 2020

Accepted: March 09, 2021

Online Published: June 18, 2021

## 1. Pendahuluan

Akhlek merupakan bentuk jamak dari *khuluq*, yang secara etimologi bererti kebiasaan, perilaku, sifat dasar dan perangai. Dari beberapa kata ini dapat dilihat bahwa ia merupakan sifat dasar yang dimiliki oleh seseorang (Suryadarma & Haq, 2015). Akhlak merupakan salah satu disiplin ilmu Islam selain akidah dan syariat. Ketiga-tiga asas ini mempunyai hubungan di antara satu dengan yang lain. Antara firman Allah SWT yang menyebutkan hubungan antara akidah dan akhlak ialah dalam surah *al-'Asr* [103], ayat 1-3:

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ وَتَوَاصَوْ بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْ بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya:

*Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran.*

Malah, model terbaik dalam berakhlek ialah Rasulullah SAW sendiri. Kemuliaan akhlak baginda adalah untuk dicontohi dan dijadikan panduan bagi seluruh umat manusia tanpa terkecuali. Firman Allah SWT dalam surah *al-Qalam* [68], ayat 4:


وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ④

Maksudnya:

*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.*

Islam mengambil berat soal akhlak kerana ia adalah gambaran peribadi seorang manusia yang pada asal penciptaannya dalam keadaan sebaik-baik bentuk. Namun, jika kesempurnaan ini tidak dipelihara melalui pembinaan dan peneguhan akhlak, nilai kemanusiaan yang mulia itu akan hilang menyebabkan martabatnya jatuh kepada makhluk yang hina (Rajab, 2010). Justeru, akhlak merupakan kekuatan atau daya aktif berpuncak daripada dalam diri yang mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan yang diingini oleh daya tersebut. Semua tindakan yang dilakukan kerana ada dorongan daripada luaran sama ada berbentuk paksaan atau peraturan semata-mata ia belum boleh dikategorikan sebagai akhlak (Djamaluddin, 2008).

Secara langsung difahami bahawa sumber kepada akhlak terletak pada hati manusia. Melalui hati, tindakan dan perkataan seseorang digerakkan. Akhlak merupakan satu kata nama am yang terkandung di dalamnya akhlak yang mulia dan akhlak yang tercela (Djamaluddin, 2008). Akhlak mulia ialah apabila



perilaku manusia mengikuti aturan Islam dalam setiap aspek kehidupan. Manakala akhlak yang tercela berpotensi untuk diubah kepada mulia melalui pendidikan. Walaupun nafsu tidak boleh dihilangkan daripada diri manusia, tetapi pengaruhnya boleh diminimumkan dengan latihan rohani yang tertentu (Suryadarma & Haq, 2015) seperti yang ditegaskan oleh para ulama tasawuf dalam karya mereka bahawa untuk membentuk akhlak mulia, seseorang itu perlu menyucikan hatinya terlebih dahulu. Pembinaan kedua-dua aspek akhlak batin dan zahir ini perlu berlaku secara seiringan. Justeru, perbincangan tasawuf tertumpu kepada persoalan akhlak iaitu galakan untuk mengamalkan sifat mahmudah dan menghindari sifat yang terkeji. Di samping itu, bidang ini juga menekankan aspek penyucian jiwa dan amal ibadat (Salleh, 2017). Salah seorang ulama tasawuf, Imam al-Ghazzaliyy contohnya telah menunjukkan terdapat hubungan langsung antara konsep ini dengan proses pengukuhan akhlak dan pengubatan jiwa (Suryadarma & Haq, 2015).


Atas asas ini, Djamaluddin (2008) melihat tasawuf merupakan satu sarana yang utama dalam membentuk kehidupan beragama secara lebih matang dan berkesan berbanding pendidikan akhlak secara teori dan logik semata-mata. Antara tokoh tasawuf tersohor yang menghasilkan karya ialah al-Muhibbī, al-Sarrāj, Imam al-Ghazzāliyy, Ibn ‘Atā’ Allah al-Sakandarīyy, Imam al-Sullamiyy dan Imam al-Qushayriyy. Bagi penulisan ini, pengkaji mengetengahkan salah satu daripada karya tasawuf yang ditulis oleh Imam al-Qushayriyy berjudul *al-Risāla al-Qushayriyya*. Tokoh ini mempunyai keistimewaan dari segi mengintegrasikan antara ilmu syariat dengan hakikat dan merupakan pelopor dalam menerapkan nilai-nilai spiritual Islam dalam disiplin ilmu yang lain (Mahpol, Syed Omar & Mohd Abdan, 2017).

## 2. Tujuan Pendidikan Akhlak

Islam meletakkan pendidikan sebagai asas terpenting dalam pembinaan individu, masyarakat dan negara. Malah, pendidikan yang holistik diyakini dapat melahirkan generasi yang berakhlik dan dihormati. Nilai diri seseorang bergantung kepada akhlak dan perilaku mulianya (Abdullah & Rozani, 2020). Ini telah dibuktikan berdasarkan sejarah para sahabat dan ulama sepanjang zaman. Pendidikan akhlak menurut al-Ghazzāliyy adalah proses pembentukan akhlak manusia yang ideal dan pembinaan yang sungguh-sungguh sehingga wujud suatu keseimbangan dan ‘*iffah* (kesucian diri). Ia penting kerana mempengaruhi kualiti keperibadian seseorang merangkumi pola berfikir, bertenaga laku, meletakkan falsafah hidup dan sebagainya. Tujuan pembentukan akhlak ialah usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jiwa yang sentiasa dekat dengan Allah SWT akan merasai kebahagiaan yang juga menjadi matlamat dalam kehidupan manusia dunia dan akhirat. Justeru, pendidikan akhlak melibatkan tiga dimensi iaitu dimensi diri yang melibatkan hubungan seseorang dengan Allah SWT, dimensi sosial, yang melibatkan masyarakat, pemerintah dan pergaulan dengan sesamanya dan dimensi metafizik, iaitu melibatkan akidah dan pegangan dasar (Suryadarma & Haq, 2015).

Mustafa (2014) menyenaraikan tiga tujuan pendidikan akhlak itu iaitu pertama, untuk berinteraksi dengan Allah SWT melalui akidah yang sempurna dan ibadah yang sahih. Kedua, berinteraksi dengan diri dan jiwa secara rasional, jelas dan benar serta memberi komitmen yang mutlak terhadap manhaj Allah SWT. Ketiga, berinteraksi dengan Allah SWT melalui perlaksanaan hak kepada yang berhak berdasarkan akal dan syarak. Manakala, Dalimunthe (2015) menyimpulkan terdapat tiga tujuan pendidikan akhlak berdasarkan perspektif al-Quran iaitu untuk berkasih sayang sesama manusia, mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat serta bersyukur kepada Allah SWT. Pandangan ini dikemukakan berdasarkan kajian terhadap ayat al-Quran yang menggunakan kalimah *ittaqū* dan disusuli dengan *la'allakum* kerana beliau berpandangan perintah bertakwa turut membawa maksud berakhlik mulia yang natijahnya diungkapkan selepas kalimah *la'allakum* (mudah-mudahan kamu).

Pendidikan akhlak merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam pendidikan jiwa bagi manusia selain daripada pendidikan akidah dan *mukhālafat al-nafs* (melawan hawa nafsu) menurut al-Qushayriyy. Pendidikan dalam perspektif al-Qushayriyy bererti kegiatan pembangunan dan bimbingan dengan landasan tauhid dan muatan adab dalam semua aspeknya melalui tahap-tahap tertentu agar manusia bernali mulia. Tujuannya ialah membimbing manusia agar menjadi hamba yang bertakwa kepada Allah SWT sebagai implementasi tauhid. Ketakwaan ini sifatnya berterusan dalam setiap keadaan berpunca daripada hati yang jujur dengan cara melepaskan amalan daripada riyak dan ‘*ujub* lalu jiwa menjadi suci dalam mematuhi perintah dan larangan Allah SWT (Satibi, Ibdalsyah & Al-Kattani, 2018). Malah, Imam al-Qushayriyy merupakan pelopor yang menerapkan nilai-nilai spiritual Islam melalui pendidikan akhlak dalam disiplin ilmu tauhid dan ilmu nahu. Sebagai contoh, untuk menghayati tauhid melalui nama-nama Allah SWT, al-Qushayriyy telah menghuraikan adab-adab yang mestilah dilaksanakan oleh seorang mukmin setelah memahami maksud nama-nama Allah SWT tersebut. Ini menunjukkan bagaimana satu ilmu itu wajib diamalkan setelah ia dipelajari (Mahpol, Syed Omar &



Mohd Abdan, 2017). Dengan mengamalkan ilmu, barulah seseorang itu dapat merasakan natijahnya dalam kehidupan terutama dari segi pembangunan diri dan akhlak.

Perkara ini juga seperti yang dirumuskan dalam kajian Satibi, Ibdalsyah & Al-Kattani (2018) bahawa terdapat dua kategori pendidikan akhlak menurut al-Qushayriyy ialah meliputi aspek ibadah dan muamalah. Aspek muamalah ini pula terdiri daripada dua iaitu pertama, akhlak terpuji yang mesti dilakukan dengan ikhlas kerana menjaga hak-hak Allah SWT dan kedua, akhlak tercela yang muncul kerana seseorang itu jauh atau tidak mengamalkan zikir. Tanggungjawab dalam mendidik akhlak ini terletak kepada semua pihak termasuk ibubapa, institusi pendidikan, pihak berkuasa. Antara kaedah yang boleh diambil oleh institusi pendidikan ialah menggandakan keberkesanannya pentadbiran, pengajaran serta pembelajaran, menambahkan produktiviti dan meningkatkan kewibawaannya, memperbaiki suasana institusi pendidikan dan menguatkuaskan elemen keislaman di dalam kampus serta mendidik para penuntut dengan nilai serta akhlak yang mulia (Mustafa, 2014). Ini bagi membendung krisis akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti arah pendidikan yang tidak begitu menumpukan aspek pembangunan akhlak, proses pendewasaan diri yang tidak berlaku dengan baik di sekolah, hilang interaksi keinsanan di sekolah, kurikulum yang hanya fokus kepada aspek kognitif, subjek agama yang tidak disertai dengan penghayatan, kesukaran mencari suri teladan yang boleh dicontohi mereka dan kekeliruan nilai antara yang dipelajari dengan yang wujud dalam realiti (Azra, 2001).

### **3. Pengenalan Pengarang *Al-Risāla Al-Qushayriyyah***

Imam al-Qushayriyy atau nama sebenarnya Abd al-Karīm bin Hawāzin bin Abd al-Mālik bin Ṭalḥah bin Muḥammad merupakan anak kelahiran Ustuwa, Khurasan. Beliau dilahirkan pada tahun 376H/986M (Mahpol, Syed Omar & Mohd Abdan, 2017; al-Subkiyy, t.th.). Bapanya telah meninggal dunia ketika beliau dilahirkan lalu dipelihara oleh Abu al-Qāsim al-Alimani, sahabat karib kepada keluarga al-Qushayriyy. Daripada beliau, al-Qushayriyy telah mempelajari ilmu sastera dan bahasa Arab. Setelah itu, beliau telah pergi ke Naisabur dengan tujuan untuk menjadi pegawai kerajaan supaya dapat membela nasib rakyat yang dibebani dengan cukai yang tinggi. Sewaktu di Naysabur, beliau telah menghadiri majlis ilmu Abu ‘Ali al-Hassan bin Ali al-Daqqāq, seorang ulama tasawuf terkemuka zaman itu. Melihat kecerdasan al-Qushayriyy, al-Daqqāq mencadangkan kepada beliau agar tidak meneruskan hasrat menguasai ilmu hisab tetapi beralih kepada ilmu tarekat tasawuf. Atas saranan ini, al-Qushayriyy membatalkan niat awalnya dan meneruskan pengajiannya dalam bidang tasawuf (al-Qushayriyy, 1991).


Lalu, beliau telah pergi menuntut ilmu fiqh daripada Abū Bakr al-Ṭūsiyy (w. 405H) sebelum berguru dengan Abū Bakr ibn Fūrak (w. 406H) dalam bidang ilmu kalam dan usul fiqh. Setelah itu, al-Qushayriyy menemui Abū Ishāq al-Isfarāyayniyy untuk menuntut ilmu lalu gurunya mengarahkan al-Qushayriyy untuk mengkaji penulisan yang telah dihasilkan dan cuba menghasilkan satu bentuk baru dalam pengajian ilmu *kalām* dan *uṣūl al-fiqh*. Akhirnya, al-Qushayriyy berjaya tampil dengan manhaj baru yang menggabungkan antara manhaj Abu Ishāq al-Isfarāyayniyy dan manhaj Ibn Fūrak (al-Subkiyy, t.th.).

Tokoh ini turut mempelajari hadis daripada sekumpulan para ulama pada zaman itu antaranya Abū al-Husayn Alḥmad ibn Muḥammad al-Khaṭṭāf, Abū Nu‘aym Abd al-Mālik ibn Ḥasan al-Isfārāyayniyy, Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamīyy dan Abu al-Ḥasan al-‘Alawīyy. Dalam masa yang sama, beliau terus menghadiri majlis ilmu Abu Ali al-Daqqāq dan akhirnya beliau dikahwinkan dengan anak gadis al-Daqqāq sendiri. Imam al-Qushayriyy merupakan seorang yang sentiasa melazimi majlis ilmu malah telah mengadakannya ketika al-Daqqāq masih hidup (al-Subkiyy, t.th.).

Al-Qushayriyy terkenal dengan majlis *imla'* dalam bidang hadis yang diadakannya. Gaya penyampaian beliau memikat hati pendengar kerana menggunakan bahasa yang indah dan simbolik. Tambahan pula, beliau mempunyai kemampuan untuk menyusun atur perkataan sehingga mampu menterjemahkan sudut pandangan seorang ahli tasawuf tarekat dalam penulisan yang diiktiraf oleh ulama dan masyarakat pada masa itu (al-Subkiyy, t.th.).

Namun, disebabkan aliran akidahnya berbeza dengan Thugrul Beg, pemerintah pada ketika itu, al-Qushayriyy telah dihukum buang negeri dari Naysabur pada tahun 445 H. Setelah 10 tahun, beliau dijemput semula ke Naysabur oleh pemerintah baharu iaitu Alp Arsalan yang menggantikan Thugrul Beg. Beliau meneruskan kegiatan ilmiahnya sehingga meninggal dunia pada 16 Rabi' al-Akhir 465 H dan disemadikan bersebelahan dengan makam gurunya, al-Daqqāq (Ibn Khallikān, 1971; Mahpol, Syed Omar & Mohd Abdan, 2017; al-Qushayriyy, 1991; al-Subkiyy, t.th.).

Sepanjang hayatnya, al-Qushayriyy telah menghasilkan banyak karya antaranya *Adāb al-Ṣūfiyyah*, *Al-Arba ūn fi al-Hadīth*, *Balāghāt al-Maqāṣid fi al-Taṣawwuf*, *al-Tahbīr fi al-Tadhkir*, *al-Tauhīd al-Nabawī*, *Al-*



*Taysīr fī ‘ilm al-Tafsīr, al-Jawāhir, Dīwān al-Shi‘ri, al-Dhikr wa al-Dhākir, Sirāt al-Mashāikh, Sharḥ Asmā’ al-Husna, al-Risālah, Laṭā’if al-Ishārāt, al-Luma’ fī al-I’tiqād, Majālis Abi Ali al-Hassan al-Daqqāq, Naḥw al-Qulūb al-Kabīr dan Nukāt Uli al-Nuhā* (Umar Faruq, 2002).

#### **4. Latar Belakang Penulisan *Al-Risāla Al-Qushayriyyah***

Karya ini ditulis oleh al-Qushayriyy pada tahun 438H/1046M kira-kira umurnya 62 tahun iaitu usia kematangan seseorang (Umar Faruq, 2002). Tujuan penulisan *al-Risāla al-Qushayriyyah* ialah untuk golongan yang terlibat dalam amalan tasawuf secara taklid, tanpa mengetahui hakikat dasar tarekat dan mereka yang mengamalkan amalan sufi tetapi diselubungi kekeliruan kerana dakwaan-dakwaan daripada kelompok lain yang mengaku sufi. Kefahaman yang tidak jelas ini menimbulkan masalah dan fitnah ke atas golongan sufi yang benar-benar mengikuti ajaran tasawuf berlandaskan syariah (Riyadi, 2016).

Maka, al-Qushayriyy mengambil langkah proaktif dengan menyusun sebuah karya mengandungi penjelasan dan dalil-dalil berhubung amalan tasawuf dalam Islam. Usaha ini penting bagi membentangkan kebenaran di hadapan golongan yang menyalahgunakan ajaran tasawuf atau yang tidak memahami tentangnya. Di samping itu, beliau ingin menegaskan kebenaran tarekat supaya ahli tasawuf tidak sesat atau disesatkan. Tambahan pula, pada ketika itu, karya dalam bidang tasawuf tidak begitu banyak dikarang seperti karya-karya dalam bidang fiqh dan hadis sehingga ada yang beranggapan bahawa tasawuf bukan daripada cabang ilmu Islam (Umar Faruq, 2002).

Sehubungan itu, karya ini dikenali sebagai perjuangan al-Qushayriyy dalam menzahirkan hubungan langsung antara tasawuf dengan dalil *syar'i* dan dianggap sebagai mewakili tasawuf *sunni*. Karya ini telah diterjemah dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Perancis dan bahasa Indonesia (Umar Faruq, 2002). Kitab ini mengandungi lima bahagian seperti yang dikemukakan dalam naskah *tahqīq* oleh Marūf Zurayq dan ‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd Baltaji (1991) iaitu dasar-dasar tauhid menurut kaum sufi, istilah-istilah tasawuf, maqam-maqam sufi, karamah, serta pengenalan tokoh sufi dan kalam hikmah mereka.

Pemikiran tasawuf yang dibawakan oleh al-Qushayriyy mendapat pengiktirafan para ulama sehingga ada yang menyatakan bahawa semua ajaran berkenaan hal ehwal spiritual yang dibincangkan oleh para ulama setelah beliau termasuklah al-Ghazzaliyy pada dasarnya merupakan cedokan daripada pemikiran tasawuf al-Qushayriyy (Mahpol, Syed Omar & Mohd Abdan, 2017). Pemikiran mantap yang digagaskan oleh al-Qushayriyy ini berkait dengan bagaimana beliau berhadapan dengan masyarakat yang semakin jauh daripada nilai-nilai agama sehingga untuk menemui orang soleh adalah perkara yang sukar, ditambah dengan berleluasannya para ulama yang rosak (*ulama sū'*) dan para pemimpin yang bermasalah (Riyadi, 2016). Untuk menongkah arus sebegini, tentunya bukan perkara mudah dan ini yang telah dilalui oleh al-Qushayriyy dengan mengembalikan tasawuf supaya difahami selari dengan syariat bukan hanya memilih salah satu di antara keduanya.


Riyadi (2016) menyatakan jika ditelusuri pola fikir dan asas utama ajaran al-Qushayriyy maka dengan jelas dapat difahami bahawa penulisan *al-Risāla al-Qushayriyyah* ini merupakan sintesis daripada prinsip dan amalan sebelas aliran tarekat tasawuf yang ada pada ketika itu. Walaupun pada ketika itu, tasawuf dihujani dengan pelbagai tohmahan dan fitnah berpunca daripada lemahnya ahli tarekat kerana kekurangan para ulama tasawuf dan sikap masyarakat yang semakin jauh daripada pengamalan agama. Maka, kerana itu *al-Risālah* membawa tema tauhid dalam perbahasan tasawufnya bagi menunjukkan bahawa penentu kebenaran satu-satu aliran dan amalan tasawuf itu sebenarnya berkait secara langsung dengan prinsip tauhid kepada Allah SWT. Hanya tasawuf bentuk ini dapat menjaga ahli tasawuf daripada perkara bidaah dan mendekatkan mereka dengan kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah.

#### **5. Prinsip Pembinaan Akhlak Menurut Imam Al-Qushayriyy dalam *Al-Risāla Al-Qushayriyyah***

Bagi penulisan ini, pengkaji hanya fokus kepada sebahagian perbincangan al-Qushayriyy di bawah bab maqam-maqam sufi.

##### **5.1 Penyucian Jiwa (*Tazkiyyat al-Nafs*)**

*Tazkiyyat al-nafs* bermaksud penyucian jiwa, serta pembinaan dan peningkatan jiwa menuju kehidupan yang baik. Ia mempunyai hubungan dengan soal akhlak dan kejiwaan, iaitu sebagai pola pembentukan manusia yang berakhhlak baik, beriman dan bertakwa kepada Allah dan memiliki keteguhan jiwa dalam hidup. Usaha



penyucian jiwa yang dilakukan oleh manusia akan menghasilkan kedamaian, kebahagiaan dan kesejukan dalam jiwynya (Suryadarma & Haq, 2015).

Dalam proses *tazkiyyat al-nafs*, al-Qushayriyy (2002) mendahului perbahasan dengan prinsip taubat. Antara dalil al-Quran yang dikemukakan oleh beliau ialah surah *al-Nūr* [24], ayat 31:

وَثُبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

*Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah SWT, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.*

Definisi taubat pada pandangan al-Qushayriyy (2002) ialah kembali dari sesuatu yang tercela kepada sesuatu yang terpuji menurut syarak. Syarat utama kepada taubat ialah penyesalan diri seseorang terhadap maksiat dan dosa yang dilakukan. Ini akan menjadi pemangkin kepada dua rukun lain iaitu meninggalkan perkara maksiat dan dosa serta penetapan hati untuk tidak mengulanginya.

Taubat tidak akan berlaku melainkan dengan *taufiq* daripada Allah SWT kepada seseorang untuk menyedarkannya akan kelalaian diri dan keburukan yang ada padanya. Justeru, apabila seseorang sudah mula menyedari kesilapannya, dia perlu berhijrah daripada kawan-kawannya yang berakhhlak buruk supaya dia dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada proses taubat serta berusaha ke arahnya. Malah, meskipun sering berlaku kesilapan atau pengulangan dosa ketika proses taubat, al-Qushayriyy (2002) menegaskan seseorang itu supaya tidak berputus asa sebaliknya menggandakan kualiti taubatnya.

Al-Qushayriyy (2002) memetik kata-kata gurunya Abū ‘Ali al-Daqqāq bahawa terdapat tiga bahagian taubat iaitu pertama, taubat bermaksud kembali. Mereka ini bertaubat kepada takut kepada siksaan atas dosa yang dilakukan. Kedua, *inābah* bermaksud berulang-ulang kembali. Mereka adalah golongan yang bertaubat kerana mengharapkan pahala. Manakala ketiga ialah *awbah* bermaksud pulang. Golongan ini melakukan taubat kerana sikap berhati-hati dan teliti yang ada pada mereka. Pembahagian ini dilakukan berdasarkan ayat-ayat al-Quran iaitu surah *al-Nūr* [24], ayat 31 yang menyatakan bahawa taubat merupakan ciri orang mukmin, surah *Qāf* [50], ayat 33 menunjukkan bahawa *inābah* merupakan ciri para wali Allah SWT atau mereka yang hampir dengan-Nya dan surah *Sād* [38], ayat 44 menyatakan bahawa *awbah* merupakan sifat para nabi dan rasul. Huraian ini menunjukkan bahawa taubat mempunyai tingkatannya yang berbeza bergantung kepada kualiti dan darjatnya. Malah, ahli sufi menyatakan taubat para pendusta hanya berlaku di mulutnya sahaja iaitu dengan ungkapan istighfar tanpa niat dan azam untuk benar-benar bertaubat.

Prinsip seterusnya ialah mujahadah yang bermaksud bersungguh-sungguh berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *al-‘Ankabūt* [29], ayat 69:


وَالَّذِينَ جَاهُوا فِيَنَا لَنَهَدِيَنَّهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

*Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keridhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik.*

Menurut salah satu pandangan yang dipetik oleh al-Qushayriyy (2002) ialah daripada Hasan al-Qazzāz bahawa mujahadah terdiri di atas tiga perkara iaitu tidak makan kecuali benar-benar lapar, tidak tidur kecuali benar-benar mengantuk dan tidak berkata-kata kecuali benar-benar perlu. Tujuan mujahadah hanya satu iaitu melemahkan nafsu supaya dapat dikawal untuk tunduk kepada Allah SWT. Oleh kerana sifat nafsu ialah kecenderungannya kepada syahwat dan menghalang ketaatan, maka proses mujahadah merupakan cara untuk menyedarkan nafsu tentang kehinaan darjat dan kejelekan perbuatannya. Jika nafsu tidak dikekang, ia akan menjadi pintu kepada penyakit hati sehingga boleh merosakkan akhlak seseorang. Maka, usaha mujahadah perlu dilakukan seawal mungkin sebelum tiba saat keadaan fizikal semakin lemah dan tidak berupaya. Sepanjang proses mujahadah, seseorang perlu mengikhlaskan niatnya kerana meyakini bahawa semua yang terjadi adalah kerana Allah SWT. Maka, kemampuannya untuk menjaga diri daripada keburukan nafsu adalah disebabkan *taufiq* daripada Allah SWT (al-Qushayriyy, 2002). Firman Allah SWT dalam surah *al-Nāzi‘at* [79] ayat 40-41:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى



Maksudnya:

*“Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhan-Nya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurga-lah tempat tinggal(nya).”*

Seseorang itu perlu sedar bahawa nafsu mempunyai hubungan langsung dengan akhlak buruk kerana melalui nafsu dapat dilampiaskan. Sesiapa yang membiarkan nafsunya, maka nafsu akan mengendalikan diri manusia itu untuk melakukan kerosakan dan kekal di dalamnya. Ini kerana dia sudah terpedaya dengan nafsunya sendiri sehingga beranggapan bahawa perkara yang dilakukannya itu adalah baik dan benar. Kenikmatan yang paling besar adalah kemampuan diri untuk menjauhi keinginan nafsu yang menjadi penghalang antara dirinya dengan Allah SWT. Perkara ini didorong oleh rasa takut (*khawf*) dan rindu kepada Allah SWT (al-Qushayriyy, 2002).

Selanjutnya, al-Qushayriyy (2002) membincangkan tentang khawat dan uzlah sebagai langkah awal dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Uzlah diertikan sebagai pengasingan diri secara fizikal daripada masyarakat awam dengan niat ikhlas kerana Allah SWT dan menjauhkan masyarakat daripada niat buruk diri sendiri. Faktor uzlah dilakukan ialah rasa tawaduk kerana kekurangan diri sendiri dan bukan menudung jari kepada orang lain yang dipandang sebagai punca keburukan diri.

Selain itu, uzlah juga boleh dilakukan dalam bentuk pengasingan rohani dan menjauhkan diri daripada perilaku tercela. Dengan erti kata, walaupun seseorang itu hidup bergaul dalam masyarakat, tetapi hatinya tetap mengingati Allah SWT. Secara tidak langsung, orang yang melazimi kehidupan begini cenderung untuk mengurangkan pergaulannya dengan masyarakat. Dia lebih memilih untuk menyendiri dan berdiam diri melainkan jika terdapat hajat yang memerlukannya keluar bertemu masyarakat. Antara tatacara beruzlah adalah melengkapkan diri dengan akidah tauhid agar tidak diperdaya oleh syaitan. Di samping itu, seseorang perlu menguasai ilmu syariat supaya ibadah yang dilakukan menepati syarak. Dia juga perlu sedar tujuan uzlah yang utama adalah memperbaiki akhlak supaya lebih mulia (al-Qushayriyy, 2002).

Berkait dengan khawat pula ialah sifat warak yang bermaksud meninggalkan perkara syubhat dan tidak berfaedah. Ini bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW bahawa termasuk dalam kesempurnaan Islam ialah meninggalkan sesuatu yang tidak bererti. Warak menurut ahli sufi terbahagi kepada dua iaitu warak lahir bermaksud menjadikan semua aktiviti hidup hanya tertumpu kepada Allah SWT dan warak batin bermaksud menumpukan hati untuk mengingati Allah SWT. Sifat warak ini memelihara diri daripada terjebak dengan perkara haram di samping menahan diri daripada berlebih-lebihan dalam perkara halal dan harus kerana dikhawatir termasuk kepada makruh (al-Qushayriyy, 2002).

Sifat warak menyumbang kepada satu sifat lain iaitu zuhud daripada dunia. Orang yang zuhud tidak akan merasa bangga dengan kenikmatan dunia dan tidak akan mengeluh kerana kehilangannya. Hasil sifat zuhud adalah timbul rasa rendah hati dan terhindar daripada hal-hal negatif. Melalui zuhud, tiada perkara dilihat lebih penting selain daripada beribadah kepada Allah SWT. Ini menyebabkan hati seseorang itu tidak lagi berkeinginan kepada dunia dan isinya. Maka, hatinya merasa tenang dan lapang jauh daripada rasa tamakkan dunia (al-Qushayriyy, 2002). Hadis Rasulullah SAW:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ، قَالَ: أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ذُلِّنِي عَلَى عَمَلٍ إِذَا أَنَا عَمَلْتُهُ أَحَبَّنِي اللَّهُ وَأَحَبَّنِي النَّاسُ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذْهُدْ فِي الدُّنْيَا يُبَيِّنَكَ اللَّهُ، وَإِذْهُدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُبَيِّنُكَ النَّاسُ»

[Ibn Majah, *Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Zuhd fī al-Dunyā*, nombor hadis 4102, sahih]

Maksudnya:

*“Daripada Sahl ibn Sa‘d al-Sā‘idī katanya, telah datang kepada Rasulullah SAW seorang lelaki lalu berkata: “Wahai Rasulullah, tunjukkan aku satu amalan yang jika ku lakukan aku akan dicintai Allah SWT dan dicintai manusia? Maka sabda Rasulullah SAW: “Zuhudlah kamu terhadap dunia nescaya kamu dicintai Allah SWT, dan zuhudlah kamu terhadap apa yang ada di tangan manusia nescaya kamu dicintai manusia”.”*

Selanjutnya, prinsip penyucian jiwa ialah berdiam diri. Keutamaan berdiam diri ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW bahawa termasuk antara ciri mukmin ialah berkata baik atau diam. Melalui diam, seseorang dapat menyelamatkan dirinya daripada celaan dan penyesalan. Malah, ia termasuk dalam ciri-ciri orang soleh seperti firman Allah SWT dalam surah *al-A'rāf* [7], ayat 204:



وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

*“Dan apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah baik-baik, dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat.”*

Terdapat dua bentuk diam iaitu diam zahir dan diam batin. Diam zahir ialah mengurangkan bicara dengan orang lain terutama hal yang sia-sia manakala diam batin ialah merasakan ketenangan dalam dirinya. Sisi lain bagi prinsip diam ialah bijaksana dalam menentukan masa dan perkataan yang diucapkan. Untuk mengisi sifat diam ini, seseorang dianjurkan agar mengurangkan berbicara dengan manusia dan melebihkan berbicara dengan Allah SWT dengan melakukan zikir dan *muhāsaba*. Mulut diumpamakan seperti binatang buas yang jika tidak diikat maka ia akan melukakan tuannya (al-Qushayriyy, 2002).

Selain daripada diam, terdapat satu prinsip lain yang ditekankan oleh al-Qushayriyy (2002) iaitu lapar dan meninggalkan syahwat. Ia berdasarkan kepada surah *al-Baqarah* [2], ayat 155:

وَلَنَبْلُونَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَدِيرِ الصَّبِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya:

*“Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

Berlapar merupakan amalan Rasulullah SAW, ahli keluarganya dan para ulama selepas baginda. Amalan ini merupakan latihan bagi mereka yang hendak menuju Allah, ujian bagi orang yang ingin bertaubat, keteraturan bagi orang zuhud dan kemuliaan bagi orang yang mencapai *ma'rifa*. Meninggalkan keinginan syahwat adalah langkah untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan perkara haram. Ia bukan bermakna menafikan nafsu secara terus tetapi menahaninya daripada mendapatkan apa sahaja yang diinginkan. Ini kerana nafsu ‘ammāra sentiasa mendorong manusia untuk melakukan perbuatan buruk dan merosakkan diri. Mereka yang terpedaya dengan nafsu akan melihat segala yang dilakukannya sebagai baik walaupun ia bercanggah dengan syarak. Kegagalan mengekang syahwat menyebabkan seseorang itu terhalang daripada melakukan ibadah (al-Qushayriyy, 2002).

Kesemua prinsip di atas tidak dapat lari daripada satu lagi prinsip utama iaitu zikir kepada Allah SWT. Zikir merupakan amalan yang diperintahkan tanpa satu ketetapan terhad. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzāb* [33], ayat 41:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

Maksudnya:

*“Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah AWT, zikir yang sebanyak-banyaknya.”*

Al-Qushayriyy turut mengemukakan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa zikir kepada Allah SWT merupakan amalan paling baik dan tinggi darjatnya. Bahkan ia termasuk antara prinsip dasar penyucian jiwa sama ada menggunakan zikir lisan mahupun zikir hati. Kedua-dua bentuk zikir ini mempunyai hubungan langsung dan saling memberi kesan antara satu dengan yang lain. Kesempurnaan zikir diterjemahkan apabila lisan dan hati berzikir secara sekali gus. Antara kesan zikir ialah hawa nafsu ditewaskan, penyakit hati disembuhkan dan kemanisan iman diperolehi. Keistimewaan zikir kerana ia boleh dilakukan dalam pelbagai keadaan sama ada berdiri, duduk atau berbaring. Kemanisannya pula dirasai apabila hati telah tertumpu kepada zikrullah dan tidak lagi memandang penting perkara selainnya sehingga tiada saat yang berlalu melainkan dalam keadaan diri sentiasa ingat kepada Allah SWT (al-Qushayriyy, 2002).

## 5.2 Kemurnian Akhlak

Pada hakikatnya, kemurnian akhlak merupakan sebahagian daripada proses *tazkiyyat al-nafs* kerana proses ini dimulai dengan penyucian daripada dalam diri kemudian dizahirkan kepada masyarakat melalui muamalah dengan akhlak yang mulia (Suryadarma & Haq, 2015). Antara aspek akhlak yang diketengahkan oleh al-Qushayriyy ialah sabar, malu, berakhhlak mulia, dermawan dan murah hati, persahabatan serta menjaga hati guru.

Terdapat banyak dalil al-Quran berkaitan sabar antaranya dalam surah *al-Nahl* [16], ayat 127 yang menyatakan bahawa pertolongan Allah SWT sentiasa mengiringi kesabaran. Sabar merupakan maqam yang penting dalam pembinaan akhlak kerana melaluinya seseorang dapat merealisasikan usaha taubat. Untuk berhijrah daripada sikap yang buruk kepada yang lebih baik, seseorang perlu melazimi sabar dalam menahan hawa nafsu dan juga tekun beramal soleh. Kesabaran yang diusahakan ini sebenarnya menatihkan maqam-maqam yang lainnya seperti taubat, zuhud dan *siddiq* (membenarkan cintanya kepada Allah SWT). Selain itu, sabar juga dikenal pasti sebagai kunci kepada ketenangan psikologi seorang manusia (Usman et al., 2020).

Sabar yang ditekankan oleh al-Qushayriyy (2002) ialah ketahanan seseorang untuk menahan keperitan dalam keadaan tenang dan kekal berperilaku baik tanpa berkeluh kesah. Ia merupakan anugerah daripada Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam Surah *al-Nahl* [16], ayat 127:

وَاصْبِرْ وَمَا صَبِرْكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزُنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُنْ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿١٢٧﴾

Maksudnya:

*“Bersabarlah (hai Muhammad) dan tiadalah kesabaranmu itu melainkan dengan pertolongan Allah SWT janganlah kamu bersedih hati terhadap (kekafiran) mereka dan janganlah kamu bersempit dada terhadap apa yang mereka tipu dayakan.”*

Ayat ini mengandungi perintah sabar sebagai sebahagian daripada iman dan menjadi asas ibadah manakala pertolongan Allah SWT dalam bersabar menunjukkan ‘ubudiyya (rasa kehambaan) manusia dalam berhadapan dengan kesulitan. Terdapat dua bahagian sabar iaitu sabar yang berkait dengan usaha manusia dan yang tidak berkait dengannya. Sabar yang berkait dengan usaha manusia terdiri daripada sabar terhadap apa yang diperintah dan dilarang oleh Allah SWT manakala sabar terhadap penderitaan termasuk dalam sabar yang tidak berkait dengan usaha manusia (al-Qushayriyy, 2002).

Antara contoh sabar dalam al-Quran ialah kisah Nabi Ayyub yang diuji dengan penyakit dan kehilangan harta serta keluarga. Baginda tidak mengeluh bahkan memanjatkan pujian kepada Allah SWT yang memberi ujian sehingga akhirnya ditunjukkan penawar bagi penyakit dan digantikan segala kehilangan dengan sebaik-baik pengganti (al-Qushayriyy, 2002).

Ketahanan hati Nabi Ayyub AS ini mempunyai hubungan dengan sifat malu dalam dirinya. Baginda merasa malu untuk meminta disegerakan kesembuhan. Justeru, malu juga ditekankan oleh al-Qushayriyy (2002) sebagai salah satu akhlak yang perlu dibina dalam diri setiap orang. Asasnya ialah firman Allah SWT dalam Surah *al-'Alaq* [96], ayat 14:


أَلَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى

Maksudnya:

*Tidaklah dia mengetahui bahwa sesungguhnya Allah melihat segala perbuatannya?*

Rasa malu terhadap Allah SWT merupakan ciri utama seorang mukmin. Melalui malu ini, seseorang itu akan sentiasa mengawasi fikirannya, makanannya dan kehendaknya terhadap dunia. Sehinggakan apabila tiada sifat malu dalam diri, maka tiada lagi kebaikan padanya. Gandingan kepada sifat malu ialah kelunukan hati yang akan mencambangkan zuhud dan warak sehingga manusia itu terhindar daripada maksiat serta kebinasaan. Termasuk dalam tanda azab atau kesengsaraan diri ialah hati yang keras, mata yang buta tidak mampu menilai, malu yang sedikit, cintakan dunia dan panjang angan-angan. Antara kaedah untuk menyuburkan sifat malu adalah memandang rendah amal baik diri sendiri (al-Qushayriyy, 2002).

Akhhlak mulia hanya terzahir apabila seseorang dapat merasakan kebersamaannya dengan Allah SWT dalam setiap gerak laku. Secara tidak langsung ia meliputi akhlak seseorang ketika bersendirian dan ramai, akhlaknya terhadap manusia juga haiwan dan yang terutama ialah bagaimana hatinya berakhhlak dengan Allah



SWT kerana rasa tunduk kepada-Nya. Antara tanda-tanda kemuliaan akhlak ialah bersabar dengan ujian, memaafkan orang lain, menyuruh untuk melakukan perkara makruf, berpaling daripada orang-orang yang jahil, membalaq keburukan dengan kebaikan. Bagi seseorang yang ingin memperbaiki akhlaknya supaya lebih baik, dia hendaklah mempraktikkan nilai-nilai akhlak itu sekurang-kurangnya selama 40 hari sebelum ia tertanam dalam diri dan menjadi tabiatnya. Natijah daripada akhlak mulia ialah ketenangan dan keamanan yang dapat dirasai oleh masyarakat sekelilingnya (al-Qushayriyy, 2002).

Berkait dengan akhlak mulia ialah sikap dermawan dan murah hati. Sikap ini menjadikan seseorang hampir kepada Allah SWT, manusia lain dan syurga. Manakala orang yang kedekut akan menjauh daripada Allah SWT, manusia dan juga syurga. Terdapat kategori berhubung sikap dermawan ini. Pertama, orang yang memberikan sebahagian kepada orang lain dan menyimpan sebahagian yang lain disebut sebagai murah hati (*jūd*). Kedua, orang yang memberikan sebahagian besar kepada orang lain dan menyimpan sedikit untuk dirinya disebut sebagai dermawan (*sakhā’*). Ketiga, orang yang sanggup merasa sempit kerana mengutamakan orang lain disebut sebagai mengutamakan orang lain (*īhār*). Malah, termasuk dalam dermawan ialah tidak menginginkan nikmat yang ada pada orang lain. Bentuk ini lebih utama berbanding dermawan dengan maksud memberi (al-Qushayriyy, 2002).


Selain itu, al-Qushayriyy juga menekankan elemen persahabatan dalam aspek akhlak. Menurutnya, terdapat tiga bentuk persahabatan iaitu persahabatan dengan mereka yang lebih tinggi atau mulia seperti guru, persahabatan dengan mereka yang berada di bawah seperti para pengikut dan persahabatan dengan mereka yang sama kedudukan. Kategori ini ditentukan dari segi cara seseorang itu memuliakan dan mengutamakan orang lain. Antara adab dalam persahabatan ialah mencari kelebihan dan kebaikan pada para sahabat serta tidak memandang aib mereka. Al-Qushayriyy juga menegaskan kepentingan memilih sahabat yang baik iaitu mereka yang boleh memberi nasihat, sedia memaafkan dan tetap setia walaupun di saat musibah. Manakala berkaitan dengan adab dalam bersahabat dengan guru, seseorang itu mesti menjaga hati gurunya dan bersopan santun terhadapnya. Jika terdapat perselisihan antaranya dengan guru atau dia memandang rendah kepada gurunya, maka dia akan gagal mendapatkan faedah daripada guru dan hubungan kedua-duanya terputus atau terjejas. Maka, murid yang berburuk sangka terhadap gurunya disarankan agar melakukan taubat supaya manfaat dan hikmah guru dikehenti oleh murid tersebut. Termasuk dalam adab seorang murid kepada guru ialah dengan memperbaiki niat, membuang buruk sangka, tidak melakukan kesesatan dan bidaah, meninggalkan perdebatan yang sia-sia serta mempercayai guru untuk membimbangi mereka (al-Qushayriyy, 2002).

Berdasarkan beberapa prinsip yang dikemukakan ini, dapat dilihat bahawa pembinaan akhlak penting untuk diterapkan dalam pendidikan kerana kesannya tidak hanya kepada diri individu itu sendiri bahkan juga memberi impak kepada masyarakat sekeliling. Ini seperti yang diketengahkan oleh Djamaruddin (2008) berhubung kesan akhlak tasawuf iaitu memupuk persaudaraan sesama manusia tanpa mengira agama dan bangsa, mewujudkan keterbukaan dalam menerima kekurangan sesiapa pun, menimbulkan rasa kebersamaan kerana merasakan tiada beza antara dirinya dengan orang lain di hadapan Allah SWT serta membangunkan semangat rohani untuk menggapai nikmat dalam beribadah.

## 6. Kesimpulan

Pembinaan akhlak merupakan salah satu tujuan pendidikan dalam Islam. Tambahan pula, ia menjadi cerminan kepada tahap penghayatan akidah dan ibadah bagi seseorang. Keimanan yang tinggi kepada Allah SWT menyebabkan seseorang tidak melakukan maksiat sama ada ketika bersendirian mahupun terhadap orang lain. Antara cara untuk membina dan memperteguhkan akhlak dalam diri ialah melakukan penyucian jiwa dan latihan untuk berakhlik mulia. Kedua-dua ini mesti berdasarkan kepada akidah yang benar dan kepatuhan kepada syariat Allah SWT. Maka, hal ini menjadi asas kepada penghasilan karya *al-Risāla al-Qushayriyya* oleh Imam al-Qushayriyy. Beliau ingin menegaskan tidak sepatutnya berlaku penyelewengan dalam amalan tasawuf kerana kesemua prinsipnya bersandarkan kepada syariat. Maka, apabila diperhalusi, kesemua perbincangan berkaitan akhlak merupakan maqam yang perlu dilakukan oleh seseorang dalam usaha mencapai kesejahteraan jiwa dan akhlak. Maqam-maqam yang dinyatakan seperti taubat, uzlah dan khawat, berdiam diri, berlapar, mujahadah semuanya bertujuan mengekang nafsu daripada kecenderungan syahwat dan keengganinan untuk taat. Apabila nafsu dapat ditundukkan, akhlak mulia perlu dilazimkan dengan cara melatih diri (*riyāda*). Melalui latihan secara berterusan dengan bimbingan guru, akhlak yang ingin dipupuk dalam diri akan beransur-ansur menjadi tabiat seseorang. Meskipun pada awalnya, dia perlu memaksa diri melakukannya namun akhirnya akhlak itu terjelma dengan sendirinya.

Kaedah berperingkat (*tadarruj*) ini adalah pendekatan yang terbaik dalam pembinaan akhlak khususnya pada peringkat remaja. Fasa ini mencabar bagi para pendidik seperti ibubapa dan guru kerana remaja sedang




berhadapan dengan pelbagai krisis dalaman terutama ia melibatkan peralihan daripada kanak-kanak kepada penerimaan dalam kalangan orang dewasa. Meskipun dari segi luaran, golongan ini begitu mudah menzahirkan respons yang negatif akibat krisis diri namun peluang ini perlu diambil oleh pendidik untuk melentur akhlak anak remaja dengan pemantauan rapi agar mereka dipersiapkan dengan baik menjelang fasa dewasa. Golongan remaja perlu diberikan panduan untuk menguruskan nafsu yang bergejolak dengan kaedah dan prinsip yang ditunjukkan dalam karya ulama terdahulu seperti *al-Risāla al-Qushayriyya*. Sirah membuktikan betapa pengaruh dan tenaga remaja yang dididik dengan baik oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya memberi sumbangan besar kepada perkembangan Islam pada generasi seterusnya. Maka, tidak wajar remaja dibiarkan lepas bebas membuat keputusan bagi diri mereka sendiri tanpa nasihat daripada orang yang lebih dewasa khususnya pendidik. Kesan daripada fikiran yang tidak begitu matang menyebabkan mereka sangat mudah terpengaruh dengan nafsu dan melakukan kesalahan. Para pendidik perlu berusaha menunjukkan contoh yang baik kepada remaja dan membimbing mereka untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti yang ditekankan oleh ahli tasawuf. Apabila remaja telah dididik untuk meletakkan pergantungan hanya kepada Allah SWT, mereka akan memasuki fasa dewasa dalam keadaan sudah bersedia untuk menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan dan Inovasi Kuis (GPIK) 2019 dengan kod KUIS/2019/GPIK-05/GPI/03. Penghargaan ditujukan juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, M. F. R., & Rozani, M. A. S. (2020). Building a sustainable nation from the Quranic perspective. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 311-317. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/75>.
- Azra, A. (2001). Pendidikan akhlak dan budi pekerti ‘Membangun kembali anak Bangsa’. *Jurnal Mimbar Pendidikan*, 1(2001), 24-29. Retrieved from <https://adoc.pub/pendidikan-akhlak-dan-budi-pekeriti-kembali-anak-bangsa.html>.
- Dalimunthe, S. S. (2015). Perspektif al-Qur'an tentang pendidikan akhlak. *Miqot*, XXXIX (1), 148-166. Retrieved from <http://jurnalmiqotojs.uinsu.ac.id/index.php/jurnalmiqot/article/view/45>.
- Djamaruddin. (2008). Reorientasi pembelajaran akhlak tasawuf di perguruan tinggi. *Tadris*, 3(1), 1-13. Retrieved from <http://ejournal.stainpamekasan.ac.id/index.php/tadris/article/view/227>.
- Ibn Khallikān, A. (1971). *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zaman*. Jil. 2. al-Ḥamīd, M. M. (Ed.). Kaherah, Mesir: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Mahpol, S., Syed Omar, S. H., & Mohd Abdan, M. R. (2017). Al-Qushayri: biografi dan sumbangannya menerapkan nilai spiritual dalam ilmu-ilmu Islam. Dlm. Embong, R., Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, M.Z., Md Lateh @ Junid, H., Adam, F & Syed Omar, S.H. (Eds.), *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, Terengganu, Malaysia: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Retrieved from [https://www.unisza.edu.my/icic2017/images/16\\_Shahrizal\\_Syed\\_Hadzrullahfi\\_Mohd\\_Rizal\\_Al\\_Qushayri\\_Biografi\\_dan\\_Sumbangannya\\_Menerapkan\\_Nilai\\_Spiritual\\_dalam\\_Illu-Ilmu\\_Islam.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic2017/images/16_Shahrizal_Syed_Hadzrullahfi_Mohd_Rizal_Al_Qushayri_Biografi_dan_Sumbangannya_Menerapkan_Nilai_Spiritual_dalam_Illu-Ilmu_Islam.pdf).
- Mustafa, M. M. S. (2014). Penerapan nilai akhlak dalam menjana pembangunan belia. Dlm. Basman, T. & Mustafa, M. M. S. (Eds.), *Memperkasa Pendidikan Usuluddin: Isu dan Cabaran Semasa*. (pp. 402-419). Bandar Seri Begawan, Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/330779666\\_PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM MENJANA PEMBANGUNAN BELIA](https://www.researchgate.net/publication/330779666_PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM MENJANA PEMBANGUNAN BELIA).
- al-Qushayriyy, A. K. (1991). *Al-Risāla al-Qushayriyya fi 'Ilm al-Taṣawwuf*. Zurayq & Abd al-Ḥamīd (Eds.). Beirut, Lubnan: Dār al-Khayr.
- al-Qushayriyy, A. K. (2002). *Al-Risālah al-Qushayriyyah: sumber kajian ilmu tasawuf*. Umar Faruq (Terj.). Jakarta, Indonesia: Pustaka Amani.
- Rajab, K. (2010). Psiko spiritual Islam: sebuah kajian kesehatan mental dalam tasawuf. *Millah, Edisi Khusus*, 139-159. Retrieved from <https://journal.uii.ac.id/Millah/article/view/5246>.
- Riyadi, A. K. (2016). *Arkeologi tasawuf*. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

- Salleh, N. (2017). Tasawuf menurut perspektif Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah. Dlm. Mohamad, M. N., Idris, M. R., Mat Zain, F., Khaegphong, C., Pattanaprichawong, A. & Nik Abdul Ghani, N. A. R (Eds.). *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia & Princess of Naradhiwas University, Thailand. Retrieved from <http://aias.pnu.ac.th/ckfinder/userfiles/files/19%20Norzira%20189-201.pdf>.
- Satibi, Ibdalsyah & Al-Kattani, A. H. 2018. Konsep pendidikan jiwa dalam perspektif al-Qushayri. *Jurnal Tawazun*, 11(1), 21-41. Retrieved from <http://ejournal.uika-bogor.ac.id/index.php/TAWAZUN/article/view/1624>.
- al-Subkiyy, T. D. (t.th.). *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*. Jil. 3. Kaherah, Mesir: al-Maṭba'ah al-Ḥusayniyyah al-Miṣriyyah al-Shahīrah.
- Suryadarma, Y. & Haq, A. H. (2015). Pendidikan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal At-Ta'dib*, 10(2), 361- 381. Retrieved from <https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tadib/article/view/460>.
- Usman, A. H., Wazir, R., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh, N., Nasir, M. N., & Shahabudin, M. F. R. (2020). Maqam sabar dalam psikoterapi pemulihan pedofilia: kajian terhadap Qūt al-Qulūb Syeikh Abū Ṭālib Al-Makkī (w. 996 M). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 293-301. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/96>.